



Kuj. Tuan .

Ruj. Kami : (71)dlm KPKT/BL/19/333-1

Tarikh : 23 Mei 2007

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN MAKLUMAT PERMOHONAN LESEN PEMAJU,
PERMIT IKLAN & JUALAN DAN LAPORAN KEMAJUAN PROJEK
(LAPORAN 7F) SECARA ONLINE MELALUI PUBLIC SERVICE PORTAL
MYGOVERNMENT**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah melancarkan penghantaran maklumat permohonan secara *online* melalui *Public Service Portal* (PSP) MAMPU iaitu portal MyGovernment mulai **25 April 2007** bagi permohonan-permohonan seperti berikut:

- (a) Pendaftaran pemaju perumahan
- (b) Permohonan lesen baru pemaju perumahan
- (c) Permohonan permit iklan & jualan baru
- (d) Permohonan pembaharuan lesen pemaju perumahan
- (e) Permohonan pembaharuan permit iklan & jualan
- (f) Penghantaran laporan kemajuan projek (Laporan 7f)

3. Mengikut kaedah semasa, pemaju perlu memuat turun (*download*) dan melakukan instalasi aplikasi pemaju dari laman web KPKT. Selepas mengisi maklumat tambahan mengenai permohonan pada Borang LR1/2005, pemaju perlu menyimpan maklumat (*softcopy*) di dalam disket/CD dan menghantar *softcopy* tersebut ke KPKT bersama-sama dengan dokumen permohonan yang berkaitan.

4. Di bawah kaedah baru, pemaju hanya perlu melayari portal MyGov di alamat <http://www.gov.my> dan mendaftar dengan portal tersebut untuk menghantar maklumat permohonan secara *online*. Pemaju akan

dimaklumkan mengenai status maklumat permohonan sama ada boleh diterima atau tidak melalui portal yang sama dari semasa ke semasa. Bagi status maklumat permohonan diterima, pemaju boleh mencetak dan menandatangani maklumat permohonan dan seterusnya menghantar kepada KPKT bersama-sama dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan permohonan yang dibuat. Bagi status maklumat permohonan tidak lengkap, sila ambil tindakan melengkapkannya dan menghantar semula secara *online* sebelum mengemukakan dokumen-dokumen permohonan yang berkaitan. Pada masa yang sama, Kementerian akan memaklumkan status pemajuan projek-projek bermasalah, kes-kes ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli rumah (TTPR), pendakwaan dan aduan-aduan berkaitan pemaju untuk diselesaikan oleh pemaju dengan Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa (BPP), KPKT.

5. Sehubungan itu, semua pemaju **diwajibkan** menggunakan kaedah penghantaran maklumat permohonan secara *online* melalui portal MyGov mulai **15 Julai 2007**. Bagi maksud penghantaran Laporan 7f, pelaksanaannya diwajibkan mulai sesi Jun 2007. Kaedah ini disediakan bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan untuk kemudahan pemaju perumahan. Bersama-sama ini disertakan **garis panduan** bagi menggunakan perkhidmatan seperti yang dinyatakan di atas. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Kementerian di talian 03-20993086, 03-20992380 dan 03-20992415.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEMPEN KITAR SEMULA - FIKIR DULU SEBELUM BUANG”

Saya yang menurut perintah,



(HUSSIN BIN RANI)

Pengarah

Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat

b.p. Pengawal Perumahan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan